

08 APR 2002

Mahathir-Kewangan (Bergambar)

DR MAHATHIR PUJI KECEKAPAN JENTERA KEMENTERIAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji kakitangan dan pegawai Kementerian Kewangan kerana kecekapan mereka dalam pentadbiran dan pengurusan pungutan hasil negara.

Perdana Menteri berkata tugas kementerian itu semakin rumit kerana pungutan hasil dan perbelanjaan negara kini jauh lebih besar berbanding sewaktu Malaysia mula mencapai kemerdekaan.

"Ini semua memberikan tanggungjawab dan peranan yang besar kepada semua pegawai dan kakitangan kementerian yang ada dan kita amat berbangga kerana mereka semakin cekap dari semasa ke semasa. Kecekapan mereka ini banyak membantu menangani semua masalah dan rancangan baru dalam kementerian," katanya ketika berucap pada lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail ke kementerian tersebut di Jalan Duta di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata kelemahan di Kementerian Kewangan, jika ada, boleh memberikan implikasi buruk dan menjejaskan keseluruhan pentadbiran negara.

"Kita boleh berbangga kerana Kementerian Kewangan berjaya meningkatkan kebolehan mereka tetapi ini juga bermakna jentera kakitangan terpaksa diperbesarkan dan dibekalkan dengan pelbagai kemahiran baru," katanya.

Beliau berkata pendekatan seumpama itu perlu bagi memudahkan pentadbiran dan pengurusan kewangan di Malaysia.

Dr Mahathir berkata Kementerian Kewangan ditunjangi banyak bahagian yang penting dan memainkan peranan besar termasuk bahagian yang memungut hasil dan cukai sebagai khazanah negara manakala sebahagian lagi berperanan besar dalam melicinkan pentadbiran dan pengurusan hasil yang dipungut itu.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam pula berkata, kemahiran dalam pengetahuan asas dan teknologi maklumat merupakan elemen penting yang perlu ada pada semua kakitangan kerajaan pada masa ini.

Katanya kewujudan Bahagian Sumber Manusia adalah satu langkah yang efektif kerana ia bertanggungjawab membekalkan segala bentuk kemahiran dan latihan yang diperlukan oleh semua kakitangan kerajaan.

"Ini adalah satu proses pembangunan kerjaya kakitangan, dan sehingga kini lebih 36,000 kakitangan kerajaan telah menyertai pelbagai latihan dan kursus yang dianjurkan," katanya ketika ditemui selepas lawatan itu.

Dr Samsudin juga berkata penurunan kadar duti stem untuk pembelian rumah mampu mengurangkan masalah yang timbul ekoran kelembapan ekonomi rantau ini.

Menurutnya, ini turut membantu pemaju dan kontraktor yang mengalami kerugian kerana keuntungan yang tidak memberangsangkan.

"Kerajaan amat berharap langkah ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak untuk memulihkan semula kelembapan penjualan rumah di negara ini," katanya.

Dr Samsudin sebelum itu memberikan taklimat tertutup kepada Seri Paduka.

Turut mengiringi baginda ialah kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Chan Kong Choy dan Datuk Dr Shafie Salleh serta Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

-- BERNAMA

SOP ZS MAI